

## Hubungan Volga Bulgaria dengan Baghdad Relationship between Volga Bulgaria with Baghdad

HARLIANA HALIM  
KAMARUZAMAN YUSOFF

### ABSTRAK

*Kajian ini membincangkan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Volga Bulgaria dalam pembinaan hubungan lebih serius dengan pihak Baghdad di bawah pemerintahan Khilafah Abbasiyah. Objektif kajian ini adalah untuk melihat usaha-usaha yang dijalankan untuk merealisasikan penubuhan negara Islam Volga Bulgaria secara rasmi. Penulisan kajian ini juga menganalisis usaha yang dilakukan oleh Ibn Faḍlān bersama delegasi Baghdad ke Volga Bulgaria pada 309/922 yang akhirnya membawa kepada penerimaan Islam secara rasmi oleh pemerintah dan rakyat Volga Bulgaria serta pengisytiharan negara Islam Volga Bulgaria melalui pengiktirafan yang diperolehi dari Baghdad. Metode kajian ini mengambil pendekatan sejarah yang melibatkan penyusunan sistematik dan penilaian data-data lampau daripada catatan lama seperti Ibn Faḍlān. Pengumpulan data kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan manakala penganalisaan data menggunakan kaedah analisis teks dan dokumen, perbandingan serta kaedah induksi dan deduksi. Hasil kajian mendapati bahawa hubungan Volga Bulgaria dengan Baghdad telah memberi impak yang positif dalam pembangunan sebuah negara Islam Volga Bulgaria dan menjadi momentum untuk mencapai puncak kegemilangannya dalam sejarah Islam di Asia Tengah. Bagaimanapun, kegemilangan itu tidak dapat dikekalkan ekoran dari beberapa siri serangan Mongol seawal 1230 Masihi membawa kepada kejatuhan Volga Bulgaria pada 1236 ke tangan kuasa Mongol.*

*Kata Kunci: Volga Bulgaria, Baghdad, agama, hubungan*

### ABSTRACT

*This study discusses the considerable efforts carried out by Volga Bulgaria in its endeavour to establish resolute relations with Baghdad under the Abbasid Caliphate. The study employs a historical approach that involves systematic organization and assessment of data from past writings such as records from Ibn Faḍlān. Data collection involved the qualitative method including library research while data were analysed through text and document analysis comparison as well as induction and deduction. The objective of this study is to effectuate an Islamic state. The study found that the relations between Baghdad and Volga Bulgaria had a positive impact on the development of Volga Bulgaria as an Islamic state and propelled a momentum for it to attain its zenith in the history of Islam in central Asia. However, this high point did not last as a result of a series of attacks by the Mongols in the early 1230 A.D which ultimately led to its conquest by the former in 1236.*

*Keywords: Volga Bulgaria, Baghdad, religion, relationship*

### PENGENALAN: VOLGA BULGARIA - BAGHDAD: HUBUNGAN AWAL

Para sejarawan meletakkan tahun 855 sebagai titik utama kepada kronologi peristiwa di Volga Bulgaria sehinggalah terbentuknya sebuah negara Islam di wilayah Volga-Kama secara rasmi (Miftakhov 2002). Tahun tersebut juga dikatakan permulaan era baru kepada pemerintahan Kara Bulgar setelah meninggalnya Khan Aidar. Selain itu, terdapat dua perkara penting yang menarik perhatian sejarawan berhubung individu tersebut serta tindakan beliau yang telah mengubah masa depan Volga Bulgaria dalam tahun-tahun selepasnya iaitu; pertama, Khan

Aidar merupakan pemerintah Bulghar pertama memeluk Islam dan keduanya, putera beliau °Abd Allah Djilki yang merupakan pewaris takhta kerajaan Kara Bulgar selepas beliau, telah dianggap sebagai pengasas kepada negara Islam Volga Bulgaria.

Di bawah pemerintah Islam, Lembah Volga Tengah berkembang menjadi sebuah negara Islam dengan nama baru Volga Bulgaria sepertimana yang telah dicatatkan dalam penulisan-penulisan sejarah pada masa tersebut. Walaupun Volga Bulgaria mendakwa bahawa ia merupakan sebuah negara Islam, namun tanpa pengiktirafan daripada Khalifah di Baghdad, maka Volga Bulgaria tidaklah boleh dianggap sebagai sebuah negara Islam dalam

erti kata sebenarnya. Kewujudan Volga Bulgaria hanya sekadar sebuah entiti politik yang diperintah oleh seorang pemimpin Islam dengan sebahagian penduduk sahaja yang mengamalkan Islam. Nama Volga Bulgaria selalu dirujuk sebagai sebuah entiti politik sedangkan Bulghar pula dirujuk kepada masyarakat yang tinggal di kawasan itu. Ini kerana, sebuah wilayah yang ingin dikenali sebagai kuasa Islam perlulah mendapat pengiktirafan dan sokongan daripada Khalifah Islam yang pada masa tersebut diterajui oleh kerajaan Abbasiyah di Baghdad. Dengan kata lain, tanpa pengiktirafan itu, Volga Bulgaria masih lagi belum diiktiraf sebagai sebuah negara Islam secara rasmi.

Tambahan pula, wilayah pemerintahan Volga Bulgaria sebagai kuasa Islam di Eropah Timur hanya merangkumi sebahagian kecil kawasan berpenduduk Bulghar, Esegel dan Baryndjar yang berpusat di tiga buah kota iaitu kota Bulgar, kota Sulcha dan kota Suwar. Dengan itu, beberapa usaha telah dijalankan oleh Djilki bagi memperluaskan wilayah pemerintahan Islam Volga Bulgaria. Tambahan pula, ketiadaan saingan, ancaman dan tindakan aktif daripada musuh politik lain telah memberikan keyakinan kepada Volga Bulgaria untuk meneruskan usaha tersebut. Tindakan perluasan kuasa oleh Djilki ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan pemerintahannya.

#### USAHA PERLUASAN KUASA VOLGA BULGARIA

Mulai pada tahun 865, negara ini mula memperluaskan kuasa di kawasan utara. Kawasan pertama yang dijadikan sasaran ialah muara sungai Tamtazay yang merupakan kawasan petempatan masyarakat Madjar. Masyarakat Madjar tidak memberi sebarang tentangan malahan tunduk mengiktiraf kekuasaan pemerintah Bulghar. Dengan itu, kawasan jajahan pertama ini diletakkan di bawah naungan Volga Bulgaria. Kawasan tersebut dinamakan sebagai wilayah Bershud, sementara pemerintahnya diberi kedudukan dalam pemerintahan Volga Bulgaria selaku pemerintah wilayah dengan gelaran putera (Miftakhov 2003).

Kempen perluasan kuasa Volga Bulgaria diteruskan ke barat laut dan timur laut wilayah Bershud. Dengan inisiatif pimpinan wilayah Bershud, di bahagian barat laut, pihak Volga Bulgaria telah berjaya menawan kota Kostroma. Sebuah sungai yang dinamakan Kush-Urma telah ditandakan sebagai sempadan pemerintahan Volga Bulgaria baru. Sebuah kota yang juga dinamakan sebagai Kush-Urma telah

dibina bagi mengawal aktiviti sepanjang sempadan tersebut. Di bahagian utara, pihak Volga Bulgaria telah berhasil menawan masyarakat lembah sungai Biy-Su dan kawasan pantai Laut Kar. Kawasan yang baru ditawan ini telah diletakkan dalam wilayah Biysu. Pertambahan kawasan baru telah menjadikan sempadan Volga Bulgaria melepasi kawasan pantai tasik Belozero di bahagian barat, kawasan pantai Laut Kara di bahagian utara dan tebing kiri sungai Biy-Su di bahagian timur. Manakala di bahagian selatan sempadan pemerintahan Volga Bulgaria adalah tebing kanan sungai Kama.

Kejayaan Volga Bulgaria menawan kawasan-kawasan yang disebutkan tadi telah menyemarakkan semangat untuk meneruskan langkah-langkah perluasan kuasa seterusnya. Justeru, pada tahun 866 M, empayar pemerintahan Volga Bulgaria ditambah lagi dengan dua buah wilayah iaitu Ura dan Baygul. Ura terletak di utara wilayah Ural iaitu di antara sungai Biy-Su dan hilir sungai Baygul. Sementara Baygul pula merupakan sebahagian daripada bahagian tengah wilayah Siberia Barat. Pertambahan kawasan pemerintahan ini telah mengukuhkan kuasa Djilki. Kewujudan wilayah pemerintahan baru ini sekali lagi telah mengubah sempadan empayar Volga Bulgaria.

Kini, wujud empat buah negeri kecil di bawah naungan Volga Bulgaria iaitu Bulgaria (berpusat di kota Bulgar), Esegel (berpusat di kota Sulcha), Baryndjar (berpusat di Suwar) dan Bershud (berpusat di petempatan di Tamtazay). Manakala wilayah pemerintahan di bawah naungan Volga Bulgaria adalah Biysu (berpusat di kota Kolyn), Baygul (berpusat di petempatan tebing sungai Ob) dan Ura (berpusat di kota Alāmir Sultan). Negeri-negeri kecil di bawah pemerintahan Volga Bulgaria dikenali sebagai 'Internal Bulgaria' atau "Bulgaria Dalam" manakala wilayah pemerintahan di luar kawasan dikenali sebagai 'External Bulgaria' atau "Bulgaria Luar" (Miftakhov 2002).

Dengan bersempadankan sungai Sviyaga di barat, Sheshma di timur, Mesha di utara dan Samarra di selatan, 'Internal Bulgaria' membentuk bahagian tengah Volga Bulgaria. 'External Bulgaria' pula membentuk kawasan petempatan luar. Wilayah pemerintahan 'External Volga Bulgaria' meliputi kawasan yang luas iaitu dari tasik Putih di barat sehinggalah sungai Ob di timur serta bermula dari Lautan Artik di utara sehingga sungai Kama di selatan. Namun begitu, pada tahun 882 M, Khan °Abd Allah Djilki telah meninggal dunia. Kematian beliau telah menyebabkan perpecahan empayar Volga Bulgaria. Ini adalah kerana putera-putera

beliau seramai tiga orang itu telah membahagikan kawasan pentadbiran kepada tiga kawasan utama untuk diperintah. Almas, selaku putera sulung Djilki telah diserahkan pemerintahan Kara Bulgar bagi menyambung pemerintahan ayahandanya. Putera kedua, Bat Ugyr memerintah negeri kecil Bulghar serta putera bongsu mengisytiharkan pembentukan negara baru Esegel yang meliputi Archa, kawasan petempatan utara Burtās, Suwar dan juga wilayah Esegel.

Perpecahan Volga Bulgaria selepas kematian Djilki membawa padah kepada pemerintahan Kara Bulgar apabila dalam tahun 885M, putera kepada Almas iaitu Arbat telah bertindak menyingkirkan ayahandanya sendiri bagi membolehkannya memerintah Kara Bulgar. Ekoran dari itu, Almas telah meninggalkan Kara Bulgar menuju ke Kiev yang diasaskan sekitar 800 Masihi bagi memohon perlindungan politik (Thompson 1990: 11-25). Pihak Kiev telah memberikan sebidang tanah estet kepada Almas. Menurut Miftakhov (2002), Kara Bulgar menjadi tidak aman sepeninggalan Almas. Ini kerana pada tahun 894 M, pihak Kuman telah menyerang Kara Bulgar. Peristiwa ini telah menyebabkan penghijrahan beramai-ramai puak Saban keluar dari petempatan mereka di Kara Bulgar. Seramai 5,000 orang puak Saban dari suku Baryn telah meminta Almas untuk mengetuai mereka kembali semula ke tempat asal di Volga Bulgaria. Oleh itu, pada tahun yang sama, kumpulan ini kembali ke Volga Bulgaria di bawah pimpinan Almas.

Suku Baryn telah ditempatkan di tebing sungai Dyau Shir dengan keizinan Bat Ugyr, pemerintah Volga Bulgaria pada masa itu. Namun begitu, petempatan baru tersebut telah diserang oleh puak Turki Oghuz. Bagaimanapun, pertumpahan darah antara kedua-dua puak telah berjaya dielakkan melalui rundingan yang telah dijalankan. Kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan dalam rundingan tersebut dan memutuskan bahawa pihak Turki Oghuz akan meninggalkan wilayah Bulgaria dengan syarat Almas menyerahkan puteri beliau untuk dikahwinkan dengan Salar, pemerintahnya. Di samping itu, Almas dikehendaki memaksa Bat Ugyr untuk memberi penghormatan kepada pihak Turki Oghuz melalui pembayaran ufti. Sebagai balasan, pihak Salar hendaklah membantu Almas untuk mendapatkan Sulcha kembali. Melalui rundingan tersebut, Sulcha telah berjaya ditawan dengan bantuan Salar. Bagaimanapun, Almas telah melanggar perjanjian yang telah dipersetujui. Beliau tidak memujuk Bat-Ugyr untuk memberi penghormatan dan ufti kepada Salar. Sebaliknya,

pada tahun 895 M, Almas bertindak menjemput putera Alabug, putera Bel-Umart dan putera Askel dalam satu pertemuan di kota Bilyar bagi meraih sokongan untuk menyingkirkan Bat Ugyr dari takhta pemerintahan Volga Bulgaria. Sokongan kuat yang diperoleh daripada ketiga-tiga pihak ini dan Mullah Mikhail Bashtu telah mengembalikan Almas ke tampuk pemerintahan Volga Bulgaria pada tahun yang sama.

Tindakan Almas kembali memegang takhta Volga Bulgaria adalah untuk memenuhi impian Djilki untuk mendapatkan pengiktirafan Khalifah Baghdad terhadap negaranya. Oleh itu, bagi memenuhi impian tersebut, Khan Almas berusaha mengambil beberapa tindakan bagi mendapatkan pengiktirafan secara rasmi dari Baghdad berhubung status dan kewujudan Volga Bulgaria sebagai sebuah negara Islam. Antara usaha yang dijalankan ialah penghantaran diplomat dari Volga Bulgaria ke Baghdad.

Untuk pertama kalinya, rombongan duta Volga Bulgaria telah sampai ke Baghdad pada tahun 901 M, iaitu semasa pemerintahan Khalifah al-Mu'tadid (278-290/892-902). Diplomat Volga Bulgaria iaitu Mullah °Abd Allah telah menyampaikan hasrat Khan Almas berhubung pengiktirafan negaranya sebagai negara Islam. Sebelum itu, situasi pemerintahan, pelaksanaan undang-undang dan masyarakat Volga Bulgaria telah disampaikan oleh Mullah °Abd Allah. Setelah mendengar tentang majoriti masyarakat Volga Bulgaria adalah Muslim dan hasrat mereka untuk menjadi sebuah negara Islam di bawah naungan Baghdad, maka Khalifah telah bersetuju untuk menghantar delegasi Baghdad khusus ke Volga Bulgaria pada masa depan.

Namun, sebelum penghantaran delegasi Baghdad ke Volga Bulgaria dibuat, pihak Khalifah telah menghantar utusan bersama Mullah °Abd Allah untuk mempelajari laluan perjalanan ke Volga Bulgaria. Utusan tersebut hanya menyertai perjalanan pulang Mullah °Abd Allah ke Volga Bulgaria dua tahun selepasnya. Pada tahun 903 M rombongan tersebut akhirnya sampai ke Volga Bulgaria. Sheikh Hasan, seorang penyelia kilang kain dan seorang pedagang bernama Mūsa telah diamanahkan oleh Khalifah Baghdad untuk meninjau laluan ke Volga Bulgaria bagi memudahkan perjalanan delegasi Baghdad yang menyusul kemudiannya.

Kedatangan utusan Khalifah Baghdad disambut oleh Almas sendiri. Sebagai penghormatan kepada Khalifah Baghdad, beliau melantik Sheikh Hasan bagi mengimamkan solat umat Islam Volga Bulgaria. Melalui perbincangan dengan Sheikh Hasan, Khan Almas menyusun misi menyerang kawasan-kawasan

pagan bagi memperluaskan penguasaan Islam sepertimana yang telah dilakukan oleh pemerintah Baghdad. Ekoran itu, beliau telah mengutuskan puteranya, Gasan dan Mullah °Abd Allah ke Avaria ke Kiev bagi mendapatkan bantuan dalam melaksanakan misinya. Menurut Al-Istakhri, hubungan Volga Bulgaria dengan pihak Kiev amat baik (al-Istakhri 1870: 225).

Dengan gabungan kekuatan tentera Volga Bulgaria, Avaria dan Kiev, Volga Bulgaria telah menyerang empayar Rom pada 905 M. Walau bagaimanapun, dalam kempen Kiev menyerang Rom kemudiannya, tentera Volga Bulgaria tidak dapat turut serta. Ini adalah kerana pada masa yang sama, pihak Burtās bersama-sama dengan Kuman telah menyerang Bulghar. Dengan itu, persiapan tentera Volga Bulgaria untuk menyertai serangan ke atas Empayar Rom beralih kepada mempertahankan negara sendiri. Walaupun tidak mendapat bantuan, pihak Kiev telah berjaya. Hasil rampasan perang dan tawanan yang diperolehi telah dihantar ke Volga Bulgaria sebagai tanda penghargaan kepada Khan Almas. Sebahagian daripadanya telah dihadiahkan kepada Khalifah Baghdad sebagai bukti kejayaan mereka dalam jihad perluasan kuasa.

Namun demikian, berita kejayaan dan hadiah ini tidak sampai ke tangan Khalifah. Ini kerana, pedagang Mūsa yang telah ditugaskan untuk menghantar pemberian ini pada tahun 906 M telah dibunuh semasa dalam perjalanan ke Baghdad. Salah seorang daripada hamba beliau telah belot dengan membantu putera Salar membunuh dan merampas segala barangan yang dibawa. Untuk melepaskan dirinya, hamba tersebut meneruskan perjalanan ke Baghdad. Berita berhubung kematian pedagang Mūsa telah disampaikan kepada Khalifah °Ali al-Muktafi (289-296/902-908) dan beliau telah menuduh pemerintah Volga Bulgaria sebagai bertanggungjawab ke atas kejadian terbunuhnya utusan Khalifah itu setelah meninggalkan Islam dan kembali kepada pegangan asalnya.

Berita yang disampaikan itu telah menyebabkan Khalifah enggan menghantar diplomat Baghdad ke Volga Bulgaria. Peristiwa ini juga telah memberi kesan kepada terputusnya hubungan Baghdad dan Volga Bulgaria selama beberapa tahun sehinggalah pada tahun 298-911M, apabila Mullah °Abd Allah yang sekali lagi ditauliahkan oleh Khan Almas ke Baghdad telah berjaya menceritakan akan situasi yang sebenarnya telah berlaku kepada Khalifah Ja°far al-Muqtadir (296-320/908-932). Dengan itu, hubungan dengan Volga Bulgaria terjalin semula dan Khalifah telah mengarahkan penghantaran

delegasi terbesar dari Baghdad ke Volga Bulgaria. Namun demikian, hasrat Almas untuk mendapat pengiktirafan Baghdad pada kali ini juga menemui kegagalan. Ini adalah berpunca daripada tindakan Khud mematuhi arahan Khazar menyerang kawasan Islam yang terdapat di sepanjang pantai Laut Caspia. Khalifah telah menuduh bahawa Almas yang mengarahkan serangan tersebut. Salah faham ini menyebabkan Khalifah mengambil keputusan mengarahkan delegasi Baghdad ke Volga Bulgaria yang ketika itu telah sampai ke Bukhara supaya berpatah balik ke Baghdad pada tahun 912 M.

Sekali lagi, hasrat Almas untuk menerima pengiktirafan Khalifah Baghdad untuk negara Islam Bulgaria tidak kesampaian. Namun begitu, peristiwa tersebut tidak menghalang Almas untuk mencapai cita-cita beliau. Ini kerana, terdapat beberapa alasan untuk beliau terus berusaha. Pertama, beliau sebenarnya menghadapi tekanan daripada pemberontakan pemerintah-pemerintah wilayah. Pemberontakan yang berlaku adalah berpunca daripada tindakan beliau menekan sebahagian daripada puak Bershud Mordja selepas daripada kemangkatan Mullah Mikhail pada tahun 287/900. Begitu juga terhadap puak Bulghar, Almas menggunakan metode yang sama memaksa saki-baki puak Bulghar yang masih berpegang kepada kepercayaan pagan supaya menerima Islam. Kesilapan yang beliau lakukan ini telah menyebabkan timbul rasa kurang senang di kalangan rakyat pimpinannya, terutamanya golongan Tengrianis.

Ekoran itu, pemerintah-pemerintah wilayah telah berkumpul di kota Bilyar, berbincang dan mencadangkan kepada Khan Almas beberapa jalan penyelesaian. Antaranya ialah beliau diminta menghentikan tindakan memaksa golongan Tengrianis untuk memeluk Islam serta menghormati hak dan peraturan warisan turun-temurun puak Byral di Bershud, Askal di Esegel, Mardjan di Arbuga dan Djulut di Suwar. Khan Almas hanya berhak untuk mendapat pampasan selaku pemerintah naungan tetapi tidak berhak untuk campur tangan dalam mana-mana perkara selain daripada itu. Bagi pihak Almas, beliau terpaksa bersetuju dengan permintaan pemimpin-pemimpin wilayah tersebut bagi mengelakkan perpecahan yang dialami oleh Kara Bulgar daripada berlaku kepada Volga Bulgaria. Tekanan daripada pemerintah-pemerintah wilayah menunjukkan bahawa pemerintah Volga Bulgaria sebenarnya tidak berkuasa ke atas wilayah pemerintahannya. Selain itu, Almas turut berhadapan dengan masalah perebutan takhta di kalangan putera-putera beliau. Situasi yang berlaku pada tahun 918 M semakin kritikal dan tidak



dapat dikawal. Putera Gasan berusaha menjatuhkan ayahanda beliau sendiri daripada takhta pemerintahan Volga Bulgaria dengan menjalinkan hubungan baik dengan pemerintah Sāmānid. Peristiwa-peristiwa yang berlaku ini telah memberikan tekanan kepada Almas dan menyebabkan beliau jatuh sakit. Mullah °Abd Allah berpandangan bahawa semua ini berlaku lantaran keenggan Khalifah untuk menghantar utusan ke Baghdad. Oleh itu, bagi menangani semua masalah ini, pihak Khan Almas perlu menghantar sekali lagi utusan ke Baghdad bagi mendapatkan restu daripada Khalifah.

Oleh itu, sekali lagi pada tahun yang sama, Mullah °Abd Allah telah dipilih menjadi utusan Volga Bulgaria ke Baghdad dengan maksud dan tujuan yang sama sepertimana sebelum ini. Agar sampai ke Baghdad dengan selamat, beliau telah mendapatkan keizinan daripada pemerintah Khurāsān untuk menggunakan laluan ke Baghdad dengan bantuan Gasan yang mempunyai hubungan baik dengan pihak Khurāsān. Delegasi Volga Bulgaria ini akhirnya sampai ke Baghdad pada pertengahan tahun 921 M. Surat daripada Almas telah disampaikan bersama-sama dengan hadiah iringan. Mullah °Abd Allah menyampaikan berita berhubung dengan kejayaan Volga Bulgaria mengatasi gerombolan tentera Khuld yang telah melakukan rompak di kawasan pemerintahan Islam di pinggir pantai Laut Caspia dan Parsi. Berita kejayaan tersebut telah disampaikan bagi membuktikan bahawa Volga Bulgaria sememangnya berusaha keras untuk mengatasi golongan yang mengancam keselamatan umat Islam. Kejayaan dan usaha yang dilakukan oleh pihak Volga Bulgaria menarik perhatian Khalifah yang akhirnya bersetuju untuk menghantar delegasi Baghdad ke sana bagi menjalinkan hubungan secara serius dan rasmi.

#### USAHA IBN FAḌLĀN: DELEGASI DARI BAGHDAD DAN PENERIMAAN ISLAM SECARA RASMI OLEH MASYARAKAT VOLGA BULGARIA

Ibn Faḍlān menyatakan; “Pada hari Khamis, 11 Safar 309/4 Jun 921, delegasi Baghdad ke Volga Bulgaria atas arahan Khalifah al-Muqtadir bertolak meninggalkan kota Baghdad menuju kota Khwārizm sebelum meneruskan perjalanan mereka ke utara” (Ibn Faḍlān 1987: 391, Hitti 1970: 384, Koestler 1976: 34-35, Mirfatykh 1995). Sūsan al-Rasi telah ditugaskan mengetuai delegasi tersebut diiringi Ahmad ibn Faḍlān ibn al-°Abbās ibn Rashīd al-Khāsimi atau lebih

dikenali dengan nama Ibn Faḍlān selaku setiausaha kepada delegasi (Bukharaev 2000: 22 & 38). Selain itu, delegasi ini juga menggunakan khidmat Baris, seorang Bulghar sebagai penunjuk arah perjalanan ke Volga Bulgaria. Turut sama menyertai delegasi tersebut ialah ipar kepada al-Rassi, dua orang hamba Turki, Tegin seorang Turki, para fuqaha’, mu°allim, pendakwah, mullah serta kumpulan pedagang.

Dari Baghdad, rombongan tersebut singgah di utara Khwārizm, pusat pentadbiran wilayah Jurjān. Persinggahan rombongan ini di Khwārizm sebenarnya telah dirancang oleh Khalifah dan para menteri di Baghdad. Selain daripada bertindak sebagai wakil Khalifah berkunjung ke Khwārizm, persinggahan delegasi ini adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan dengan pihak pemerintah di sana di samping mendapatkan bantuan kewangan sebanyak 4,000 dinar bagi membiayai kos perjalanan dan juga untuk diserahkan kepada Khan Almas sebagai bantuan pembinaan sebuah kota. Walau bagaimanapun, wang yang diharapkan hasil jualan kediaman Khalifah gagal diperolehi. Menurut Bukharaev, kegagalan untuk mendapatkan sumber kewangan tersebut menyebabkan delegasi ini mengalami masalah kewangan yang agak kronik. Sumber kewangan tersebut amat diperlukan bukan sahaja untuk membayar gaji para fuqaha’ dan mu°allim yang turut serta dalam rombongan itu tetapi juga untuk membantu kos pembinaan kota yang diperlukan oleh pihak Bulghar. Masalah ini menyebabkan para fuqaha’ dan mu°allim enggan untuk pergi lebih jauh kerana mereka merasakan bahawa mereka tidak akan memperolehi sebarang peruntukan kewangan bagi perkhidmatan mereka itu. Tambahan pula, mereka tidak menyangka suasana di utara amat sejuk dan boleh menyebabkan kematian (Bukharaev 2000: 23).

Sebenarnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ekspedisi tersebut menghadapi kekurangan sumber kewangan sebelum ia dapat mencapai objektif perjalanannya. Ini kerana pada tahun 309/922, Baghdad sebenarnya mengalami masalah pemerintahan berpunca daripada kegagalan mengawal pergerakan politik dalaman walaupun masih berperanan sebagai pusat pemerintahan dan perdagangan. Semuanya bermula ekoran daripada pergolakan dalaman dan campur tangan pihak pengawal Turki dan Barbar dalam pemerintahan di Baghdad sebelum ini. Bahkan, perpindahan pusat pemerintahan Abbasiyah dari Baghdad ke Samarra’ pada tahun 279/892 dan kemudian kembali semula berpusat di Baghdad, adalah berpunca daripada masalah campur tangan pihak yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, kegagalan pihak delegasi untuk mendapatkan sumber kewangan tidak menjejaskan misi mereka. Delegasi itu kini hanya disertai oleh beberapa orang anggota sahaja iaitu Sūsan al-Rasi, Ahmad ibn Faḍlān, ipar al-Rasi, Baris, Tegin dan seorang hamba, namun perjalanan ke Volga Bulgaria tetap diteruskan bagi mencapai matlamat akhir delegasi iaitu menjalinkan hubungan rasmi Baghdad-Volga Bulgaria.

Selain daripada menjalinkan hubungan rasmi, salah satu faktor delegasi Baghdad dihantar ke Volga Bulgaria pada zaman Abbasiyah khususnya Ibn Faḍlān bertujuan untuk mengukuhkan dan membina kekuatan Islam, memperkenalkan undang-undang Islam di samping membantu pembinaan masjid dan mimbarinya serta berusaha menyampaikan risalah Islam ke seluruh Volga Bulgaria (Koestler 1976: 34-35). Semua yang disebutkan tadi adalah satu misi, amanah dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan dan disempurnakan dengan sebaiknya, walaupun delegasi tersebut menghadapi kekangan dan rintangan di sepanjang perjalanan. Justeru, delegasi Baghdad ini telah bergabung dengan kafilah dagangan yang kebetulan menuju ke hilir sungai Volga (Koestler 1976: 36). Pada 2 Zulkaedah 309/4 Mac 922 iaitu dalam musim bunga, delegasi tersebut telah bertolak menuju ke utara dari Khwārizm melalui kawasan petempatan Turki Oghuz (Ibn Faḍlān: 391-392). Setelah rombongan kafilah sampai ke hilir sungai Yayik, delegasi Baghdad dan kafilah dagangan itu pun berpisah telah mengikut haluan ke destinasi masing-masing. Kafilah dagangan mengikut laluan menuju ke hilir sungai Volga manakala delegasi Baghdad meneruskan perjalanan mereka menuju ke utara merentasi kawasan petempatan Bashkort untuk sampai ke kawasan pemerintahan Khan Almas.

Akhirnya, pada hari Khamis, 12 Muharram 310/11 Mei 922 setelah mengambil masa selama 70 hari merentasi lebih daripada 2,000 km jarak perjalanan dari bandar Khwārizm, delegasi Baghdad pun sampai ke Volga Bulgaria. Kedatangan mereka telah mengambil masa sehari perjalanan lagi sebelum sampai ke kediaman musim panas Khan Almas yang terletak di kawasan yang dikenali pada hari ini sebagai perkampungan 'Three Lakes' dalam wilayah Spassky di Tatarstan.

Pihak delegasi Baghdad, setelah berbincang dengan pihak Volga Bulgaria telah menetapkan tarikh majlis penyerahan watak pengiktirafan Khalifah pada 16 Muharram 310/15 Mei 922 iaitu empat hari selepas sampai. Ini bertujuan untuk mengumpulkan seluruh kerabat kepimpinan Volga Bulgaria dan menyebarkan kepada rakyat akan berita

tersebut. Pengiktirafan daripada Baghdad ini telah disampaikan dalam bentuk pakaian rasmi pemimpin negara Islam iaitu jubah hitam serta serban berwarna putih sebagai tanda bahawa Almas telah diiktiraf sebagai seorang pemerintah Islam yang berada di bawah naungan Baghdad. Majlis yang diadakan berdekatan dengan sebuah tasik di Volga Bulgaria ini dimulakan dengan bacaan perutusan Khalifah dan perutusan menteri Baghdad serta penyerahan panji-panji Islam kepada Khan Almas sebagai simbolik pengiktirafan Volga Bulgaria sebagai sebuah negara Islam. Panji-panji yang diserahkan oleh Khalifah menurut Sūsan al-Rasi, mesti dijulang semasa Volga Bulgaria menghadapi pihak musuh di medan perang. Selain daripada panji-panji tersebut, pihak Khalifah menghadihkan Khan Almas seekor kuda Arab dan dua helai sejadah bersulamkan emas, manakala isteri beliau menerima sehelai kot yang diperbuat daripada bulu sabel.

Sesuai dengan statusnya sebagai pemimpin Islam, Khan Almas bertindak menukar nama beliau kepada Amīr Ja'far ibn 'Abd Allah, bersempena dengan nama Khalifah Baghdad. Namun, beliau melahirkan rasa kekesalan kerana pihak delegasi Baghdad tidak membawa bantuan kewangan sepertimana yang telah dicatatkan dalam perutusan Khalifah (Koestler 1976: 42). Sebenarnya, situasi pihak Volga Bulgaria, dengan kawasan pemerintahan yang luas dan penglibatan dalam perdagangan antarabangsa, menurut penilaian Ibn Faḍlān, tidak memerlukan bantuan dari Baghdad untuk menampung kos pembinaan kota. Ini kerana pihak Volga Bulgaria sebenarnya masih lagi mampu mendapatkan sumber kewangan untuk tujuan tersebut. Cuma, bagi Khan Almas, walaupun Volga Bulgaria mampu untuk membina kota dengan wang dan harta yang dimilikinya, namun adalah penting untuk mendapatkan bantuan kewangan dari Baghdad kerana berpandangan bahawa sumber kewangan Baghdad adalah dari sumber yang halal dan diredhai. Namun demikian, kegagalan untuk mendapatkan bantuan kewangan dari Baghdad ini tidak menjejaskan hubungan di antara kedua-dua pihak.

Justeru, pada pertengahan Safar 310/Jun 922, Khan Almas bersama putera-putera kepimpinan wilayah, disertai rakyat jelata telah sekali lagi berkumpul di tebing sungai Dyau Shir. Kali ini, beliau mengumumkan kepada seluruh rakyat Volga Bulgaria bahawa negara ini telah mendapat pengiktirafan dan restu daripada Khalifah Baghdad. Dengan kata lain, rakyat dimaklumkan bahawa Khalifah Baghdad selaku ketua empayar Islam

telah mengiktiraf kewujudan Volga Bulgaria sebagai sebuah negara Islam. Ini juga bermakna Khalifah akan meletakkan Volga Bulgaria di bawah perlindungannya. Pengisytiharan ini juga bertujuan untuk memaklumkan bahawa Islam telah dipilih dan diterima sebagai agama rasmi Volga Bulgaria. Pengumuman Almas ini menunjukkan bahawa objektif delegasi Baghdad itu telah tercapai. Justeru, pada Zulkaedah 310/Ogos 922, delegasi ini bertolak meninggalkan Volga Bulgaria untuk pulang ke Baghdad bagi menyampaikan berita gembira itu kepada Khalifah berhubung kejayaan menjalinkan hubungan dengan pihak Volga Bulgaria.

### VOLGA BULGARIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA ISLAM

Hubungan yang terbina dalam aspek politik, ekonomi dan agama telah mencetuskan beberapa implikasi besar terhadap Volga Bulgaria. Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan, implikasi terhadap Volga Bulgaria dapat dinilai dalam tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Secara umumnya dari aspek politik, implikasi terbesar ke atas Volga Bulgaria ialah berhubung dengan status negara Islam. Pengiktirafan yang diterima daripada Khalifah Baghdad melalui penghantaran delegasinya telah menaikkan status Volga Bulgaria daripada sebuah wilayah jajahan kepada status negara merdeka. Pengiktirafan Volga Bulgaria selaku negara Islam juga bermakna negara tersebut secara rasminya berada di bawah naungan empayar Islam yang berpusat di Baghdad.

Oleh itu, hasrat pemerintah Volga Bulgaria untuk mendapatkan pengiktirafan daripada Baghdad telah tercapai. Pengiktirafan ini didapati dalam dua bentuk iaitu; pengiktirafan Volga Bulgaria sebagai sebuah negara Islam dan pengiktirafan pemerintah Volga sebagai pemimpin negara Islam oleh Khalifah al-Muqtadir. Perkara ini jelas dibuktikan dalam catatan Ibn Faḍlān berhubung majlis penganugerahan persalinan pemerintah Islam, panji-panji dan pembacaan perutusan Khalifah. Ini merupakan kejayaan pertama Volga Bulgaria dalam memenuhi hasratnya dari aspek politik. Pengiktirafan pihak Baghdad terhadap negara tersebut sekaligus membatalkan status Volga Bulgaria sebagai wilayah jajahan di bawah pemerintahan Khazar. Ini juga bermakna cengkaman Khazar ke atas Volga Bulgaria telah berakhir. Volga Bulgaria wujud sebagai sebuah negara Islam yang merdeka serta bebas untuk menentukan polisi pemerintahannya sendiri tanpa

perlu lagi merujuk kepada pihak Khazar (Salu 1991: 8; Koestler: 43).

Selain itu, menurut *Encyclopedia of Islam* (1999), penggunaan gelaran Amīr Bulghar bagi menggantikan gelaran *yiltuwar* merupakan antara bukti implikasi positif hubungan dengan Baghdad. Ini juga menunjukkan pertukaran posisi iaitu daripada posisi pemerintah wilayah kepada pemerintah sebuah negara Islam. Penggunaan gelaran Amīr juga telah mengangkat status pemerintah Volga Bulgaria berbanding pemimpin-pemimpin negeri kecil lain yang berada di bawah jajahannya. Begitu juga, pertukaran nama pemerintah Volga Bulgaria daripada Almas bin Djilki kepada Amīr Ja'far bin °Abd Allah menandakan bahawa pemerintah Volga Bulgaria adalah seorang Muslim.

Kesan hubungan ini dari aspek politik juga dapat dinilai dari segi proses perluasan kuasa oleh Volga Bulgaria. Sebelum ketibaan delegasi Baghdad, seorang pengembara Arab yang telah melawat wilayah Volga Tengah dalam kurun ke 4/10 telah mengenal pasti wilayah pemerintahan Volga Bulgaria sebagai sempadan geografi yang terletak di antara sungai Cheremshan di selatan, sungai Sviaga di barat, sungai Kama di utara dan sungai Sheshma di timur. Namun, selepas daripada delegasi Baghdad sampai ke Volga, kawasan pemerintahan Volga Bulgaria telah tersebar luas di utara. Pada kurun ke 5/11 dan 6/12, kerajaan Volga Bulgaria telah memperluaskan sempadan pemerintahannya di bahagian barat sehingga mencecah sungai Zai dan di bahagian selatan pula telah meluas sehingga ke kota Samarra (Rorlich 2003). Sepanjang kurun ke-4/10 hingga kurun ke-7/13, Volga Bulgaria telah berkembang menjadi sebuah empayar Eurasia yang kuat mengatasi empayar Rom rentetan implikasi hubungan dengan Baghdad. Empayar Volga Bulgaria terbentang dari Laut Caspia, utara Caucasus, Laut Artik, Eropah Timur dan Siberia. Ini bermakna dari aspek perluasan kuasa politik, Volga Bulgaria telah berhasil melaksanakan misi jihad yang diharapkan oleh pihak Baghdad yang dalam masa yang sama telah membantu untuk mengukuhkan kuasa pemerintahannya di utara.

Seperti yang diharapkan oleh Baghdad, penyertaan Volga Bulgaria telah memperluaskan kawasan penguasaan empayar Islam (Koestler 1976: 119). Kedudukan Volga Bulgaria di utara laut Caspia menyebabkan empayar Khazar kini dikelilingi oleh tanah milik Muslim di bahagian utara hingga ke timur. Kedudukan terbaru ini secara tidak langsung telah menyekat hubungan luar di antara Khazar dengan dunia bahagian utara dan

timur. Strategi bijak yang dirancang oleh Baghdad telah menyumbang kepada faktor kejatuhan Khazar setelah berdepan dengan serangan mengejut Putera Sviatoslav pada tahun 965 M.

Hubungan ini juga memberi implikasi dalam aspek ekonomi. Perkembangan kegiatan ekonomi masyarakat Bulgar hasil daripada hubungan dengan Baghdad telah membawa kepada proses urbanisasi. *Encyclopedia of Islam* (1999) menyatakan bahawa dengan kelebihan kemahiran penduduk Bulghar, ahli arkeologi telah menemui sejumlah 2000 perkampungan dan 150 kota dalam ekspedisi ekskavasi yang dijalankan. Daripada jumlah itu, kota Bilyar dikenal pasti sebagai kota terbesar yang terletak di Malaia Cheremshan dan dipercayai luas kawasannya menjangkau 7 juta meter persegi. Penemuan tapak kota Bilyar-Bulgar dalam satu penyelidikan arkeologi membuktikan kebenaran kenyataan tersebut. Al-Gharnati menyebut, “Kota Bulgar merupakan kota besar di mana dindingnya diperbuat daripada kayu oak manakala rumah-rumah didirikan daripada kayu pokok pain.” Kebanyakan monumen yang dijumpai di kawasan Bulgar adalah berupa binaan kota kecil yang menjadi kediaman pemerintah. Kota kecil ini dilindungi oleh dua atau tiga barisan benteng tanah dan dikelilingi oleh perkampungan. Kota ini dipercayai dibina pada permulaan kurun ke-4/10 bersama-sama dengan dua buah kota yang lain iaitu Suwar dan Oshel. Lokasi tapak kota ini ialah di satu kawasan dataran tinggi berdekatan tempat penyembahan masyarakat pagan kuno di bukit Dzavysher yang dialiri sungai Cheremshan. Ahli arkeologi berpandangan bahawa lokasi tersebut adalah lokasi yang sama di mana Khan Almas mengisytiharkan penerimaan Islam oleh negara Volga Bulgaria pada musim panas 309/922 (*Encyclopedia of Islam* 1999) Lokasi ini menjadi saksi bermulanya sejarah Islam di Volga Bulgaria serta titik permulaan kepada pembinaan ketamadunan Islam di sana. Kota ini juga dipercayai sebagai kota yang telah disebut oleh pemerintah Volga Bulgaria dalam suratnya kepada Khalifah Baghdad.

Di samping kota Bulgar-Bilyar, kota-kota lain dengan saiz yang agak sedikit kecil berbanding Bilyar ialah kota Oshel dan Kashan di sungai Kama. Kedua-dua buah kota tersebut merangkumi saiz satu juta meter persegi. Perkembangan kota di Volga Bulgaria mempunyai perkaitan dengan kewujudan pusat tradisional yang mengumpulkan penduduk semasa majlis rasmi diadakan oleh pihak pemerintah sebelum kedatangan Islam. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh ahli arkeologi, pusat tradisi masyarakat Bulghar ini kemudiannya berkembang

kepada petempatan kekal berbentuk kota dan pekan kecil selepas tahun 309/922.

Pembangunan kota-kota seperti Suwar, Oshel dan Burtās telah membuktikan terdapatnya pengaruh Islam dalam pembinaannya. Penyelidikan arkeologi bertempat di Suwar telah menjumpai kota yang diperbuat daripada kayu dengan istana pemerintahnya dibina daripada batu. Di pintu masuk istana terdapat dekoratif besar pada pintu gerbang serta menara berbentuk empat segi tepat menyamai seni bina awal Islam. Binaan struktur yang sama juga telah dijumpai dan dipercayai sebagai kota Burtās. Menurut Yāqūt al-Ḥamawī, terdapat sebuah masjid yang besar di kota Burtās (al-Ḥamawī 1998: 305). Begitu juga dengan kota Oshel di mana dari segi strukturnya binaan kota ini sedikit berbeza daripada kota-kota Bulghar yang lain. Namun, keseluruhan kota-kota tersebut telah dibina pada kurun ke 4/10 menunjukkan bahawa wujudnya pertalian antara proses urbanisasi Volga Bulgaria dengan hubungannya dengan Baghdad.

Penemuan kota-kota tersebut sebenarnya membuktikan bahawa perdagangan merupakan satu cabang terpenting ekonomi Bulgar yang membawa kepada proses urbanisasi. Kesungguhan penglibatan dalam aktiviti perdagangan menjadi faktor kepada pertumbuhan pasar dan kawasan perdagangan di wilayah pemerintahan Volga Bulgaria. Aga-Bazaar yang terletak di tebing sungai Volga merupakan antara pasar yang terkenal di Volga Bulgaria. Boleh dikatakan hampir semua kota dan petempatan luar kota di Volga Bulgaria mempunyai pasar seperti Aga-Bazaar. Lokasi strategik Aga-Bazaar yang dipercayai terletak di sekitar kawasan Bilyar-Bulgar iaitu di pertemuan sungai Volga dan Kama telah menjadikannya antara pusat perdagangan yang mudah dikunjungi oleh pedagang dari utara dan selatan. Ibn Faḍlān dalam catatan beliau menyebut tentang kunjungan pedagang Rusia ke Volga Bulgaria untuk berniaga dengan masyarakat Bulghar dan dipercayai urusan perniagaan itu dijalankan di Aga-Bazaar. Kegiatan perdagangan yang aktif di Aga-Bazaar telah membawa kepada pertumbuhan sebuah lagi kota yang kemudiannya berkembang menjadi pusat perdagangan untuk seluruh wilayah Volga-Kama di mana para pedagang dari utara dan selatan berkumpul. Kebanyakan pedagang ini datang ke Aga-Bazaar kerana tertarik dengan kemudahan dan keselesaan yang disediakan (*Encyclopedia of Islam* 1999).

Fungsi ekonomi setiap kota di Volga Bulgaria telah menggalakkan pertumbuhan pusat perdagangan dan memberi impak terhadap pembangunan fizikal



di kota-kota tersebut. *Caravanserai* yang disediakan untuk memenuhi keperluan pedagang dari timur telah tumbuh bagaikan cendawan memenuhi kota Bulgar. Pada mulanya *caravanserai* hanya berfungsi sebagai tempat penginapan para pedagang luar, namun perkembangan ekonomi Bulgar telah menambah fungsinya kepada bukan sekadar tempat penginapan pedagang, tetapi juga kombinasi tempat penginapan, gudang dan pusat kebudayaan, yang menyediakan kemudahan makanan dan perlindungan, kemudahan gudang menyimpan barang dagangan dan juga berfungsi sebagai masjid kepada pedagang Muslim untuk menunaikan solat.

Inspirasi dari Baghdad selaku kota utama yang mengetuai kota-kota lain dalam empayar Islam telah membantu Volga Bulgaria untuk mencontohi kegemilangan Baghdad. Hubungan dengan Baghdad ini telah membawa kemajuan dari aspek ekonomi dengan membawa masyarakat Bulghar keluar daripada kehidupan separa nomad kepada petempatan tetap. Kehadiran Islam telah mempercepatkan proses urbanisasi di Volga Bulgaria. Kemunculan beberapa buah kota lain telah menjadi bukti utama kepada implikasi ini. Selain itu, pengaruh Baghdad dari aspek ekonomi boleh dinilai dengan penemuan syiling empayar Islam dalam kuantiti yang banyak di kota Bulgar oleh ahli arkeologi (Noonan 1984: 151-282; 1986a: 321-348; 1986b; Bykov 1974: 203-210). Wang syiling empayar Islam pada mulanya digunakan secara eksklusif dalam pertukaran perdagangan (Noonan 1986a). Namun, pada kurun ke-4/10 Volga Bulgaria telah mula mengeluarkan syiling mereka sendiri menggunakan nama pemimpin Islam Bulghar kerana mencontohi Baghdad (Schena 1999: 1-10; Begovatov & Valiulina 2003). Kemampuan mengeluarkan wang syiling perak pada tahun 365/976 menjadi bukti pencapaian Volga Bulgaria dalam aspek ekonomi.

Dari aspek sosial pula, implikasi hubungan dengan Baghdad dinilai berdasarkan kepada pengutusan delegasi Baghdad pada 309/922 yang telah membawa kepada penyertaan masyarakat Bulghar untuk menjadi sebahagian daripada ummah Islam di bawah pemerintahan empayar Islam yang berpusat di Baghdad. Tahun yang sama juga telah menjadi tahun rasmi pengisytiharan Islam sebagai agama rasmi negara Volga Bulgaria, walaupun sebelum ketibaan delegasi Baghdad Islam telah menjadi pegangan sebahagian besar rakyatnya yang mendiami kawasan tebing sungai Volga dan Kama.

Justeru, kedatangan delegasi Baghdad yang diutuskan oleh Khalifah al-Muqtadir, selain daripada

memenuhi tiga permintaan Almas, juga bertujuan untuk menemui seramai 5000 Muslim yang telah pun memeluk Islam sebelumnya. Kumpulan penduduk Volga Bulgaria yang dikenali dengan nama al-Barandjar ini merupakan antara Muslim terawal di lembah Volga dan Kama. Kewujudan mereka ini telah dikenal pasti daripada catatan Ibn Rustah, seorang pengembara Arab yang menyatakan bahawa kebanyakan daripada penduduk Volga Bulgaria di lembah Volga Tengah adalah terdiri daripada kalangan Muslim. Bahkan, *Encyclopedia of Islam* (1999) menyatakan penduduk Volga Bulgaria telah mempunyai masjid dan institusi pengajian agama sendiri. Pengisytiharan Volga Bulgaria sebagai sebuah negara Islam bermakna undang-undang Islam menjadi teras pentadbiran sepertimana yang diinginkan oleh pemerintah Volga Bulgaria. Sepertimana Baghdad, negara Islam Volga Bulgaria juga telah melaksanakan sistem pentadbiran dan perundangan Islam. Peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli delegasi walaupun hanya berjumlah lebih kurang empat orang, telah membantu pemimpin Bulghar untuk memerintah Volga Bulgaria menurut landasan Islam sebenar. Catatan-catatan Ibn Faḍlān berhubung dengan peranan beliau dan ahli-ahli delegasi Baghdad yang lain dalam menunjuk ajar rakyat Volga Bulgaria berhubung persoalan Islam jelas membuktikan bahawa matlamat sosial yang diharapkan telah tercapai. Bantuan yang dihulurkan oleh delegasi Baghdad ini amat bermakna dalam memberikan kesedaran kepada rakyat Volga Bulgaria untuk mengamalkan cara hidup Islam dan meninggalkan cara hidup jahiliyyah yang telah diamalkan sebelumnya. Kesedaran agama ini juga telah membawa kepada kesedaran terhadap kepentingan ilmu sebagai asas pembinaan ketamadunan ummah.

Sejurus selepas penerimaan Islam, masyarakat Islam Bulghar diperkenalkan kepada skrip Arab (Rorlich 2003). Pengenalan skrip tersebut bukan sahaja menjadi bukti kepada penyebaran Islam, bahkan menjadi faktor pembinaan budaya ilmu dan warisan Islam. Perlu disebutkan di sini bahawa tanah Bulghar sememangnya tidak mempunyai sebarang ketamadunan dari segi bentuk tulisan sehinggalah mereka memeluk Islam. Walaupun masyarakat Volga Bulgaria sebelum ini menggunakan abjad Turki jenis Orkhon dalam penulisan, namun abjad tersebut tidak dikira sebagai abjad mutlak milik Bulghar. Sistem tulisan sebenar-benarnya telah dibangunkan dan berkembang selari dengan perkembangan ekonomi Bulghar selepas daripada penerimaan Islam secara rasmi, di mana segala urusan yang melibatkan cukai, perundangan dan politik dicatatkan. Rekod-rekod

ditulis pada kayu dan plak yang diperbuat daripada pasir sehinggalah kurun ke-4/10 apabila kertas yang dihasilkan oleh empayar Islam dibawa dari kota Khwārizm di Asia Tengah ke wilayah Volga. Dengan penerimaan Islam oleh masyarakat Bulghar, skrip Arab mula menggantikan abjad Bulghar. Terdapat dua jenis kaligrafi yang popular di kalangan masyarakat Bulghar, iaitu khat Kūfi dan Thūlus.

Rorlich (2003) menambah, “Penggantian abjad Bulghar kepada skrip Arab telah menyumbang kepada perkembangan baru kesusasteraan Bulghar dalam kurun ke-6/12.” Kewujudan bahasa kesusasteraan juga telah memberi kesan kepada sistem pendidikan dan perkembangan kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat Volga Bulgaria. Masyarakat Volga Bulgaria mula menyedari akan kepentingan pendidikan sebagai wadah untuk memajukan bangsa. Perkembangan ini selari dengan pertubuhan institusi pendidikan seperti madrasah yang bukan sahaja menumpukan kepada pendidikan agama sebagai teras tetapi turut memperkenalkan subjek-subjek sekular bagi memperkayakan ilmu. Kewujudan binaan masjid daripada kayu, serta pusat-pusat pengajian agama yang dikenali sebagai ‘maktab’ telah mengukuhkan bukti bahawa Islam sememangnya telah bertapak di kawasan tersebut. Contohnya, pada penghujung kurun ke-3/9, terdapat sebanyak 42 buah maktab pengajian agama di Volga Bulgaria. Jumlah ini didapati bertambah selepas kedatangan delegasi Baghdad.

Perkembangan sistem pendidikan Volga Bulgaria adalah selari dengan usaha pendidikan di Baghdad yang bukan sahaja menekankan tentang aspek agama tetapi turut menekankan kepada perkembangan ilmu-ilmu yang lain. Tambahan pula, masyarakat Volga Bulgaria mula memandang institusi pendidikan sebagai satu institusi penting yang berperanan utama melahirkan ulama masa depan dan juga birokrat-birokrat negara. Kewujudan institusi ini akan dapat membanteras buta huruf di kalangan masyarakat Bulghar. Kesedaran agama telah menjadi asas kepada kesedaran terhadap kepentingan institusi pendidikan bagi melahirkan ilmunan-ilmuan Bulghar. Sepertimana Baghdad, kebanyakan daripada ilmunan Bulghar dalam abad ke-6/12 dan 7/13 telah mendapat pengiktirafan tempatan dan luar. Catatan sejarawan Bulghar, Ya<sup>o</sup>kūb ibn Nu<sup>o</sup>mān, yang telah menulis tentang sejarah kota Bulgar pada tahun 505/1112, merupakan antara catatan bernilai berhubung sejarah masyarakat tersebut. Ibn Nu<sup>o</sup>mān bukanlah satu-satunya ilmunan Bulghar yang lahir di wilayah tersebut. Di samping beliau, terdapat ilmunan lain seperti Burhān ad-Dīn

Ibrāhim ibn Yūsuf dengan penulisan beliau dalam bidang retorik, perubatan dan komentar agama. Selain itu, beberapa nama lain seperti Ḥamīd ibn Idrīs, Ahmad al-Bulghāri, Muhammad Sadr ibn <sup>o</sup>Ala ad-Dīn, Hassan ibn <sup>o</sup>Umar dan Muhammad al-Bulghāri merupakan antara ilmunan Bulghar yang lahir daripada perkembangan institusi pendidikan di Volga Bulgaria (Rorlich 2003). Malangnya, sejarah hanya mencatatkan nama seorang sahaja penyair Bulghar iaitu Kul Gāli manakala yang selebihnya diketepikan. Puisi Kul Gāli berjudul “Qissaiy Yusuf” telah menarik minat sejarawan sastera dan linguistik untuk mengkajinya kerana puisi ini menggambarkan kegemilangan spiritual yang telah dicapai oleh masyarakat Bulghar menjelang kurun ke-7/13 hasil daripada penerimaan mereka terhadap Islam dalam abad sebelumnya. Aspirasi yang ada pada Baghdad secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap jiwa masyarakat Volga Bulgaria. Kejayaan dan kegemilangan Baghdad telah menyuntik semangat rakyat Volga Bulgaria untuk berjaya sepertimana yang telah dicapai oleh Baghdad.

Selain itu, populasi penduduk Volga Bulgaria yang terdiri daripada lima puak utama iaitu puak Bulghar, Suwar (Savan), Esegel (Askel), Bersula dan Barandjar menunjukkan diversiti puak yang bersatu di bawah satu pemerintahan Islam. Meskipun lembah Volga Tengah didiami oleh pelbagai puak, namun nampak seolah-olah hanya satu bentuk kebudayaan sahaja yang meninggalkan kesan. Ini dibuktikan dengan penemuan tembikar bercorak sama pada tahun 1960an di kawasan sepanjang hulu sungai Sura, sungai Mokhsa dan sungai Vada.

Kepelbagaian puak di bawah satu pemerintahan Islam membuktikan bahawa Islam telah membawa perpaduan kepada Volga Bulgaria. Perpaduan Islam di Volga Bulgaria menjadi faktor utama kepada pembentukan sebuah ummah. Sudah tentu idea perpaduan ini dicontohi dari Baghdad. Kota Baghdad yang terdiri daripada pelbagai puak dan keturunan juga bersatu di bawah satu pemerintahan empayar Islam Abbasiyah. Dalam soal ini, model utama ialah sirah Rasulullah s.a.w. dalam pembentukan negara Islam Madinah serta Piagam Madinah yang menggariskan panduan dalam pemerintahan negara Islam.

Lapan tahun selepas delegasi Baghdad meninggalkan Volga Bulgaria, sebuah kota dan sebuah masjid telah tegak berdiri membuktikan bahawa Amīr Bulghar memerintah Volga Bulgaria bagi pihak Khalifah dan berpegang kepada Islam. Walaupun pada fasa pertama hubungan terjalin, penerimaan Islam pada peringkat awal pemerintahan Bulghar hanyalah bersifat ‘pemimpin menentukan agama’ bersesuaian

dengan anjuran Islam, namun perkembangan-perkembangan seterusnya memperlihatkan budaya Islam subur di kalangan masyarakat Bulghar tanpa sebarang paksaan.

Keteguhan masyarakat Bulghar terhadap ajaran Islam dapat dilihat dengan pertumbuhan masjid di setiap kota besar di Volga Bulgaria sebagai tempat menunaikan solat Jumaat. Tambahan pula, *Hudūd al-‘Ālam* (1970) mengukuhkan fakta bahawa penduduk Bulghar dan Suwar giat berjuang menyebarkan Islam. Menurut al-Mas‘udi, salah seorang anak pemerintah Bulghar telah mengerjakan haji di Mekah semasa pemerintahan Khalifah al-Muqtadir (al-Hamawī 1998: 305). Bukti-bukti lain yang menunjukkan penekanan pemerintah Volga Bulgaria terhadap Islam ialah kewujudan masjid Sabzawar dan Khusrawdjird yang dibina pada tahun 415/1024 oleh Amīr Bulghar Abū Ishāq bin Ibrāhīm bin Muhammad. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Bulghar teguh mempraktikkan amalan Islam dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, pada masa yang sama, semangat untuk menyebarkan dakwah Islam turut diwarisi daripada Baghdad. Satu perkara yang membezakan usaha dakwah Bulghar dan Baghdad ialah penekanan terhadap satu mazhab sahaja, iaitu mazhab Hanafi, manakala pendakwah Baghdad yang terdiri daripada pelbagai mazhab dan aliran sudah tentu membawa mazhab masing-masing untuk disebar. Pendakwah-pendakwah Bulghar berusaha menyeru penduduk Bulghar lain, seperti puak Pecheneg dan Kuman, kepada Islam dan berharap untuk menyebarkan Islam ke seluruh Rusia yang masih dibelenggu dengan kepercayaan paganisme. Misalnya, pada tahun 375/986, delegasi rombongan agama Volga Bulgaria telah diutuskan ke Kiev untuk bersemuka dengan Putera Vladimir bagi menyeru beliau untuk memeluk Islam (Likhachev 1978, Kimball 1998, Riasanovsky 1969). Walaupun delegasi tersebut gagal menarik Putera Vladimir untuk memeluk Islam, namun usaha yang dijalankan telah membuktikan kesungguhan masyarakat muslim Bulghar menyampaikan Islam ke seluruh Eropah.

#### FAKTOR KEJATUHAN VOLGA BULGARIA

Volga Bulgaria mencapai kegemilangannya setelah mendapat pengiktirafan daripada Baghdad. Namun begitu, pengiktirafan Baghdad terhadap pemerintah Volga Bulgaria dan penggunaan gelaran Amīr tidak boleh dikatakan sebagai faktor yang dapat menjamin Volga Bulgaria tidak digugat oleh sebarang ancaman dalaman mahupun kuasa luar. Peristiwa-peristiwa

yang berlaku selepas pengisytiharan negara Islam Volga Bulgaria telah mengukuhkan fakta ini. Pengiktirafan pihak Baghdad yang diharapkan oleh Khan Almas, pemerintah Volga Bulgaria pada masa tersebut, untuk mengukuhkan kedudukan beliau dari segi politik tidak tercapai sepenuhnya. Kredibiliti kepimpinan Volga Bulgaria yang dipegang oleh Khan Almas pada peringkat awal penerimaan Islam masih lagi goyah. Ini dapat dijelaskan berdasarkan kepada insiden kecil penentangan Putera Vryvig dan segelintir penduduk Suwar sebelum majlis pengisytiharan negara Islam Volga Bulgaria dan penerimaan Islam diadakan. Tindakan sekumpulan penduduk Suwar memisahkan diri sebelum majlis itu dijalankan menunjukkan mereka memprotes terhadap kepimpinan Almas yang ingin membawa keseluruhan rakyat beliau untuk berada dalam Islam.

Insiden tersebut diikuti dengan perpindahan petempatan kumpulan bukan Islam ini ke tebing kiri sungai Volga. Tindakan yang diambil tidak bermakna mereka menolak untuk bernaung di bawah pemerintahan Volga Bulgaria. Tindakan ini dilihat sekadar untuk menunjukkan protes terhadap tindakan Almas yang memaksa keseluruhan penduduk Volga Bulgaria untuk memeluk Islam tanpa kerelaan mereka. Sekalipun berada dalam situasi tersebut, kumpulan ini tidak bertindak keluar dari wilayah Volga Bulgaria. Ini juga bermakna mereka masih tetap berada di bawah pemerintah dan pentadbiran Islam. Cuma dari aspek agama, mereka masih lagi memilih untuk berpegang teguh kepada kepercayaan nenek moyang mereka.

Selain itu, persaingan dan perebutan kuasa tertinggi dalam pemerintahan Volga Bulgaria selalunya berlaku di antara puak yang memiliki kuasa yang kukuh dan berpengaruh. Dalam kurun ke-4/10, Suwar dan Bulghar yang merupakan dua puak yang memiliki kedua-dua ciri yang disebutkan sebelum ini, telah bersaing rapat merebut kuasa tertinggi pemerintahan Volga Bulgaria. Persaingan kedua-dua puak dominan ini menyebabkan wujudnya dua pusat pemerintahan politik, iaitu kota Bilyar-Bulgar dan kota Suwar. Namun begitu, perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh kota Bilyar-Bulgar dalam kurun yang sama mengatasi kota Suwar dari segi keluasan wilayah akibat daripada proses perluasan kuasa, telah memansuhkan dan membubarkan kedaulatan Suwar (Rorlich 2003).

Di samping itu, sokongan daripada Baghdad yang diharapkan akan membantu pemerintah Volga Bulgaria mengatasi musuh dalaman dan luaran serta menangani masalah politik dalaman hanyalah

memenuhi sebahagian besar daripada matlamat yang telah digariskan. Namun begitu, sokongan Baghdad dari aspek moral telah memberikan keyakinan kepada Volga Bulgaria untuk mengatasi pihak Khazar dan bangkit sebagai sebuah negara yang merdeka. Ketiadaan catatan sejarah berhubung bantuan ketenteraan dari Baghdad kepada Bulghar sepertimana yang diharapkan oleh pemerintahnya telah mengukuhkan hujah ini. Sumber sejarah hanya menyebut tentang pengiktirafan yang diterima dari pihak Baghdad tetapi tidak pernah menyebut tentang bantuan-bantuan lain sekalipun Volga Bulgaria kini berstatus negeri naungan empayar Islam. Menurut Lantzeff, beberapa siri peperangan yang berlaku selepas kembalinya delegasi Baghdad dari Volga Bulgaria tidak dikaitkan dengan sebarang bantuan ketenteraan Baghdad (Lantzeff 1973: 27). Sebaliknya, pihak Volga Bulgaria membina kekuatan ketenteraan sendiri untuk mempertahankan negaranya. Begitu juga dengan pembinaan kota pertahanan Volga Bulgaria dipercayai telah didirikan sendiri oleh pihak Bulghar tanpa bantuan Baghdad. Penemuan arkeologi telah mengesahkan kewujudan kota Bulgar. Ini dikukuhkan lagi dengan catatan sejarawan-sejarawan terkemudian yang menyebut tentang kewujudan kota ini.

Namun begitu, faktor utama yang dikenalpasti sebagai punca kejatuhan Volga Bulgaria dan terputusnya hubungan Volga Bulgaria dengan Baghdad adalah serangan pihak Mongol sama ada ke atas Volga Bulgaria mahupun Baghdad. Serangan Mongol ke atas Volga Bulgaria berlaku sepanjang 1230-an. Dalam tempoh tersebut, Volga Bulgaria terpaksa mempertahankan negara mereka tanpa bantuan dari Baghdad. Walaupun demikian, serangan peringkat awal oleh Mongol ini telah berjaya dipatahkan dengan bantuan wilayah naungan Volga Bulgaria. Pada tahun 620/1223 misalnya, tentera Volga Bulgaria telah berjaya mengalahkan tentera Mongol dengan bantuan orang Turki keturunan Qipchak. Pada masa tersebut tentera Volga Bulgaria dipimpin oleh Amīr Bulghar, °Abd Allah Chelbir. Kecemerlangan operasi ketenteraan Volga Bulgaria ini diteruskan oleh pemimpin seterusnya. Amīr Ilham telah menjadi tenaga perancang utama bagi pihak Bulghar. Bagi mengukuhkan kedudukan, beliau telah bertindak memelihara hubungan baik dengan pemerintah Rusia.

Selain itu, Amīr Bulghar juga telah bertindak membina benteng-benteng pertahanan mengelilingi kota Bulgar. Penemuan tiga barisan benteng kayu sepanjang sepuluh kilometer oleh ahli arkeologi membuktikan usaha-usaha yang telah dijalankan

oleh Volga Bulgaria dalam menghadapi serangan Mongol. Pembinaan benteng ini telah membantu Volga Bulgaria mempertahankan kemerdekaan negara tersebut pada 629/1232 daripada ditawan oleh tentera Genghiz Khan. Menyedari bahawa sukarnya untuk menawan Volga Bulgaria, tentera Mongol telah bertindak memperkasakan angkatan perang mereka. Misi menawan Volga Bulgaria telah diberikan perhatian yang lebih memandangkan pada masa tersebut Volga Bulgaria berada di puncak kegemilangan, setelah membangun sebagai sebuah negara Islam hasil hubungan yang baik dengan pihak Baghdad. Oleh itu, pada 633/1236, Volga Bulgaria sekali lagi menghadapi serangan hebat tentera Mongol. Kali ini, angkatan tentera Mongol berjumlah 300,000 pejuang (Spuler 1960: 11).

Malangnya, dalam pertempuran yang mengambil masa yang panjang itu, tentera Volga Bulgaria tidak mampu menghalang kemaraan tentera Mongol. Tahun 633/1236 telah menjadi saksi kejatuhan Volga Bulgaria ke tangan tentera Mongol yang dipimpin oleh Batu Khan. Pertahanan kota telah dimusnahkan dan Kota Bulgar berjaya ditawan (Spuler 1960: 11). Penawanan Volga Bulgaria ini telah membuka ruang kepada perluasan kuasa Mongol ke Eropah (Spuler 1960: 12, Pares 1955: 80). Para penduduk Bulghar yang menjadi tawanan perang telah dikerah untuk turut serta membantu pihak Mongol menjayakan misi ketenteraan mereka yang seterusnya.

Dalam pada itu, kota Baghdad mula menghadapi serangan Mongol pada 615-619/1218-1222 di bahagian timur dan selatan Parsi. Bermula dari penguasaan ke atas kawasan tersebut, tentera Mongol memperluaskan kuasa mereka ke Caucasus. Walau bagaimanapun, pada masa itu kota Baghdad sendiri masih lagi berada dalam keadaan selamat. Namun, kawasan empayar pemerintahan Islam di bawah Khalifah Baghdad semakin kecil ekoran kejatuhan satu persatu wilayah pemerintahannya ke tangan tentera Mongol. Bermula dengan Khwārizm di timur sehingga ke kawasan Transoxiana telah jatuh ke tangan tentera Mongol yang dipimpin oleh Hulagu Khan pada 651/1253 (Spuler 1960: 99, Lewis 1987: 79). Ancaman Mongol di seluruh bahagian ini telah melemahkan pertahanan empayar Islam. Pada 656/1257, wilayah Mesopotamia benar-benar terancam dengan kehadiran tentera Mongol. Baghdad di bawah pemerintahan Khalifah al-Mu'tasim akhirnya jatuh ke tangan tentera Mongol pada 4 Safar 656/10 Februari 1258 (Spuler 1960: 19, Lewis 1987: 81). Kejatuhan Baghdad ke tangan Mongol telah mengakhiri hubungan Baghdad di bawah halifah °Abbāsiyah dengan Volga Bulgaria.



Kejatuhan negara Islam Volga Bulgaria ke tangan Mongol seawal 633/1236 mendahului Baghdad hanya menamatkan pemerintahan Islam di sana. Ini kerana melihat kepada kecemerlangan, peluang serta kelebihan yang ada pada Volga Bulgaria, Batu Khan telah berusaha memulihkan negara tersebut di tapak yang sama. Beliau telah menjadikan kota Bulgar sebagai pusat pemerintahan kepada tentera berkudanya yang dikenali sebagai 'Golden Horde' sekitar kurun ke-7/13 dan 8/14. Bahkan, kota Bulgar juga menjadi pusat pengeluaran wang syiling 'Golden Horde' (Spuler 1960: 24). Semasa berada di bawah pemerintahan Mongol, kota Bulgar yang mana sebelumnya telah pun terlibat dalam perdagangan antarabangsa, sekali lagi bangkit sebagai pusat perdagangan penting yang menghubungkan Eropah dan Timur di bawah pemerintahan 'Golden Horde' (Malik 1994: 1-24, Uyama 1998: 163-190, Kimball 1998).

#### KESIMPULAN

Secara umumnya, idea untuk mewujudkan hubungan antara Volga Bulgaria dengan Baghdad telah dicetuskan oleh Volga Bulgaria yang melihat bahawa hubungan dengan Baghdad adalah satu keperluan bagi menangani segala permasalahan yang dihadapi. Justeru, Volga Bulgaria telah berusaha untuk mewujudkan hubungan dengan Baghdad melalui penghantaran utusan ke Baghdad pada tahun 288/901, 298/911 dan 308/921. Walaupun penghantaran utusan kali pertama dan kedua telah menemui kegagalan, namun kesungguhan Volga Bulgaria dalam mewujudkan hubungan amat jelas. Percubaan kali ketiga pada tahun 308/921 telah mendapat respons yang baik dari Baghdad. Pihak Baghdad telah bersetuju untuk menjalinkan hubungan dengan Volga Bulgaria melalui penghantaran delegasinya ke Volga Bulgaria pada 309/922.

Tindakan penghantaran delegasi Baghdad ke Volga Bulgaria pada 309/922 oleh Khalifah ini telah membawa kepada beberapa bentuk dan kesan hubungan antara Volga Bulgaria dengan Baghdad pada tahun-tahun selepasnya. Kesan dilihat dalam bentuk politik, ekonomi, sosial dan keagamaan sehingga melahirkan sebuah negara Islam Volga Bulgaria yang gemilang. Kegemilangan tersebut telah menarik minat kuasa luar seperti Mongol untuk melancarkan beberapa siri serangan ke atas Volga Bulgaria dan menguasainya pada 633/1236. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa hubungan Volga Bulgaria dengan Baghdad dilihat sebagai

faktor pemangkin utama kepada perkembangan dan pembangunan negara Islam Volga Bulgaria sebelum dan selepas kegemilangannya.

#### RUJUKAN

- al-Hamawī, Yāqūt. 1998. *Muʿjam al-Buldān*. Jilid 1. Bayrut: Dār al-Ihya' al-Turāth al-ʿArabī.
- al-Istakhrī, Abū Ishāq al-Fārisī. 1870. *Masālik wa al-Mamālik*. Dlm. *Islamic Geography* 34.
- Begovatov, E. A. & S.I. Valiulina. T.th. *The Monetary Circulation in the Middle and Low Volga Regions and the Ural Region in the Middle Ages*. [http://www.kcn.ru/tat\\_en/university/archeoh/volgabulg/numism.htm](http://www.kcn.ru/tat_en/university/archeoh/volgabulg/numism.htm) [3 Februari 2003]
- Bukharaev, Ravil. 2000. *Islam in Russia: the Four Seasons*. Richmond: Curzon Express
- Bykov, A. A. 1974. *Three Notes on the Islamic Coins From Hoards in the Soviet Union*. Dlm. Kouymjian, Diekran K. (pnyt). *Near Eastern Numismatic, Iconography, Epigraphy and History*, hlm. 203-210. Beirut: American University of Beirut
- Encyclopaedia of Islam*. 1999. (CD-ROM). Leiden: Koninklijke Brill NV
- Hitti, P. K. 1970. *History of the Arabs*. Ed. 10. London: The Macmillan Press
- Ḥudūd al-ʿĀlam* 'The Regions of the world': a Persian geography 372 A.H. – 982 A.D. 1970. Terj. Minorsky, V. London: Luzac
- Ibn Faḍlān. 1987. *Al-Risālah Ibn Faḍlān: ma Shāhaduhu fī Bilād al-Turk wa al-Khazr wa al-Rūs wa al-Saqālabah wa al-Bashghird wa Ghairihim*. Dlm. *Majmu' fi al-Jughrafiyya*. Jil. 43. Cetak ulang MS 5229 Ridawiya Library Mashhad. Frankfurt: Institute for History Arabic-Islamic Science, Johann Wolfgang Goethe University
- Kimball, C. 1998. *Ten Major Empires since Rome*. <http://xenohistorian.faithweb.com/worldhistory/hist10B.html> [18 Februari 2003]
- Koestler, A. 1976. *The Thirteenth Tribe; the Khazar Empire and Its Heritage*. London: Hutchinson of London
- Lantzeff, G.V. 1973. *Eastward to Empire: Exploration and Conquest on the Russian Open Frontier to 1750*. Montreal: McGill-Queen's University Press
- Lewis, B. 1987. *Islam from the Prophet Muhammad to the Capture of Constantinople*. 1st edition. Oxford: Oxford University Press.
- Likhachev, D. 1978. *The Russian Primary Chronicle*. Kertas Kerja Pamiatniki Liteeratury Rusi. <http://www.uoregon.edu/~kimball/chronicle.htm> [18 November 2002]
- Malik, Hafeez. 1994. *Tatarstan's Treaty with Russia: Autonomy or Independence*. *Journal of South Asian and Middle East Studies*:1-24. [http://www.kcn.ru/tat\\_en/politics/dfa/f\\_media/malik.htm](http://www.kcn.ru/tat_en/politics/dfa/f_media/malik.htm) [12 November 2002]
- Miftakhov, Z.Z. t.th. *Resettlement of Bulgarian Peoples in the Middle Volga Basin*. <http://sophistkatedkids>.

- com/turkic/11Miftakhov/lecture%208En.htm [25 November 2002]
- Miftakhov, Z.Z. t.th. *Volga Bulgaria: the First Islamic State in the Volga Basin*. <http://sophistikedkids.com/turkic/11Miftakhov/Lecture%209En.htm>. [25 November 2002]
- Mirfatykh, Z. Zakiev. 1995. Sakaliba are Kipchaks, and Bulgars are one of Kipchak tribes. *The Tatar Gazette*. [http://www.peoples.org.ru/tatar/eng\\_168.html](http://www.peoples.org.ru/tatar/eng_168.html) [18 Februari 2003].
- Noonan, Thomas S. 1984. Why Dirhams First Reached Russia: the role of Arab-Khazar Relations in the Development of the Earliest Islamic Trade with Eastern Europe. *Archivum Eurasiae Medii Aevi* (4): 151-282.
- Noonan, T. S. 1986a. Early Abbasid Mint Output. *Journal of the Economic and Social History of the Orient* (29).
- Noonan, T. S. 1986b. Why the Vikings First came to Russia. *Jahrbucher fur Geschichte Osteuropas* (34): 321-348. *Origins of the Bulgarian Nation*. <http://www.kirildouhalov.net/history/origins.html> [18 Februari 2003].
- Pares, B. 1955. *A History of Russia*. London: Jonathon Cape Thirty Bedford Square.
- Riasanovsky, N.V. 1969. *A History of Russia*. New York: Oxford University Press.
- Rorlich, Z. 2003. *The Mongol Conquest*. <http://groznicat.tripod.com/fadlan/rorlich2.html> [25 April 2003]
- Schena, Eric R. 1999. The Influence of Islamic Coins on the Russian Monetary System. *As-Sikka: The Online Journal of the Islamic Coins Group* (1.2): 1-10. <http://www.islamiccoinsgroup.50g.coom/ArtRassian.htm> [13 April 2003]
- Spuler, Bertold. 1960. *The Muslim World*. Bhgn. 1 & 2. Leiden: E.J. Brill
- Thompson, John M. 1990. *Russia and the Soviet Union: A Historical Introduction*. Oxford: Westview Press.
- Uyama, Tomohiko. 1998. From Bulgharism through Marrism to Nationalist Myths: Discourse on the Tatar, the Cuvash and the Bashkir Ethnogenesis. Kertas Kerja The Elite of the Mid-Volga Ethnic Republics. Japanese Ministry of Education, Science, Sport and Culture. Hlm. 163-190. [http://src\\_h.slav.hokudai.ac.jp/publicntn/acta/19/uyama.pdf](http://src_h.slav.hokudai.ac.jp/publicntn/acta/19/uyama.pdf) [25 April 2003]

Harliana Halim  
 Jabatan Pengajian Islam dan Sains Sosial  
 Fakulti Sains, Sastera dan Warisan  
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
 e-mail: harliana@uthm.edu.my

Kamaruzaman Yusoff  
 Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 e-mail: kamaruz@ukm.my